

Singapura

Penamaan percepat pembahagian wang CPF kepada ahli waris

Tuntutan tanpa penamaan ambil masa sekitar lapan minggu jika dokumen yang diperlukan lengkap dan sempurna

Fatwa terkini Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) melegakan ramai anggota masyarakat yang kini boleh membuat pilihan - mencalonkan penama untuk menerima wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) mereka sebagai hibah apabila mereka meninggal dunia atau tanpa buat sebarang pencalonan dan wang peninggalannya diagihkan secara faraid. Namun, temu bual dengan karyawan bidang pembahagian harta pusaka, para peguam dan keluarga si mati mendapati bahawa fatwa berkaitan flat milik bersama (joint tenancy), wang insurans dan wang simpanan akaun bersama perlu juga diteliti untuk menjamin kemaslahatan pasangan dan anak-anak yang masih hidup. Laporan lengkap berikut dan di halaman 5 oleh SAINI SALLEH (saini@sph.com.sg) dan AZAHAR MOHD (azahar@sph.com.sg).

BANYAK manfaat yang bakal diraih jika pencarum mencalonkan penama bagi mewarisi wang Tabung Simpanan Pekerja (CPF) mereka apabila mereka meninggal dunia kelak.

Bukan saja penama boleh segera mendapatkan wang hibah tersebut untuk keperluan anggota keluarga yang masih hidup, malah mengagihkannya kepada ahli waris secara faraid jika si mati memilih berbuat demikian.

Sebaliknya, tanpa membuat sebarang penamaan, ahli waris termasuk isteri dan anak-anak terpaksa membuat tuntutan lengkap dengan dokumen sokongan di pejabat Pemegang Amanah Raya (Public Trustee) - suatu proses yang memakan masa dan dikenakan bayaran.

Ini dinyatakan beberapa karyawan yang terlibat dalam bidang perancangan harta pusaka ketika ditanya mengenai peri perlunya pencarum membuat penamaan CPF, sekali gus dianggap hibah seperti yang ditetapkan fatwa terkini Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Fatwa sebelum ini menetapkan bahawa penama hanyalah sebagai pengamanah lantas wang CPF perlu difaraidkan kepada ahli waris.

'Dengan fatwa terkini Muis yang menetapkan wang peninggalan CPF si mati sebagai hibah, pencarum digalakkan membuat penamaan untuk memudahkan proses mendapatkan wang tersebut.

'Mereka yang ingin memfaraidkan wang CPF si mati juga mudah berbuat demikian kerana wang sudah berada dalam tangan tanpa perlu membuat tuntutan dan turun naik ke pejabat Pemegang Amanah Raya.

'Tanpa sebarang penamaan, proses membuat tuntutan wang CPF si mati biasanya mengambil masa sekitar lapan minggu, itu pun jika dokumen yang diperlukan bagi menyokong tuntutan lengkap dan sempurna,' kata Encik Sadali Rasban, pemilik HTHT Advisory Services Pte Ltd, sebuah firma perunding cara pembahagian harta pusaka.

Menurutnya, dalam membuat tuntutan, ahli waris perlu mendapatkan Sijil Warisan daripada Mahkamah Syariah yang menyenaraikan ahli waris yang berhak.

Sijil Warisan itu dan disertai pula sijil lahir kesemua ahli waris yang membuat tuntutan kemudian bolehlah dikemukakan di pejabat Pemegang Amanah Raya untuk diproses.

'Kelewatan timbul apabila ada ahli waris yang tidak mempunyai atau kehilangan sijil lahir atau ada antara ahli waris yang berada atau bermastautin di luar negara.

'Ini semua mengambil masa lantas melewatkan pengagihan wang peninggalan si mati,' tambah Encik Sadali.

Peguam Halijah Mohamad menyatakan bahawa fatwa terkini Muis itu meluputkan kekaburan yang selama ini menyeliputi isu penamaan wang CPF.

Seorang lagi peguam yang tidak mahu namanya disebutkan menyatakan bahawa ramai anggota masyarakat masih kurang faham mengenai soal penamaan CPF dan hanya percaya bahawa wang CPF itu perlu difaraidkan.

Copyright © 2010 SPH AsiaOne Ltd. All rights reserved.
Privacy Statement Conditions of Access Advertise @ AsiaOne